

## **Pendidikan Ilmu Keusahawanan Dalam Membentuk Keperibadian Dalam Kalangan Murid Kolej Permata Insan, USIM**

Nadia Nadzira Mohd Fauzi<sup>1</sup>, Nur Karl Syarfa Alyaa Hermanto<sup>1</sup>, Nur Syamimi Qashrina Muhamad Fauzi<sup>1</sup> & Rossidi Usop<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

\*Corresponding author: n.nadzira68@gmail.com

### **ABSTRAK**

Usahawan memainkan peranan penting dalam ekonomi global yang berubah dengan pantas. Untuk menjadi seorang usahawan berjaya dalam dunia perniagaan yang semakin kompetitif, ilmu menjadi asas yang sangat penting. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan ilmu dalam membentuk kejayaan seorang usahawan dalam kalangan murid Kolej PERMATA Insan. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara kepentingan ilmu pengetahuan dan kompetensi dengan pencapaian usahawan dalam perniagaan. Data dianalisis secara manual melalui kaedah tematik. Dapatan kajian mendapati, informan kajian bersetuju ilmu pengetahuan mampu dan penting dalam pembentukan kemenjadian dan kejayaan seorang usahawan dalam bidang perniagaan. Hasil kajian ini memberi sumbangan kepada institusi dalam merangka program yang sesuai kepada ahli kelab usahawan muda, Kolej PERMATA Insan. Akhirnya, kajian ini menekankan bahawa usahawan perlu berusaha untuk terus meningkatkan ilmu dan kompetensi mereka sebagai satu strategi penting untuk mencapai kejayaan dalam dunia perniagaan yang sentiasa berubah.

**Kata kunci:** *usahawan; peranan ilmu; usahawan muda; perniagaan; strategi*

### **PENDAHULUAN**

Kolej PERMATA Insan ialah sebuah institusi pendidikan yang berfokus kepada melahirkan generasi remaja Muslim yang cemerlang dalam aspek akademik dan sahsiah. Institusi ini merupakan sebahagian daripada inisiatif PERMATA Negara, yang memberi tumpuan kepada pembangunan potensi kanak-kanak pintar dan berbakat di Malaysia.

Dalam era globalisasi ini, keusahawanan telah menjadi salah satu pemacu utama dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Aktiviti keusahawanan dapat menghasilkan faedah dalam bentuk penciptaan pekerjaan dan pendapatan sendiri serta membuka peluang pekerjaan baharu kepada ramai individu lain (Beeka & Rimmington, 2011; Williams & Havorka, 2013; United Nations, 2014). Justeru, keusahawanan merupakan wadah mencipta peluang pekerjaan baharu kepada belia di seluruh dunia (United Nation, 2014). Usahawan tidak hanya dilihat sebagai individu yang berjaya dalam perniagaan tetapi juga sebagai agen perubahan yang memainkan peranan penting dalam mencipta peluang pekerjaan dan inovasi. Di Malaysia, terdapat peningkatan kesedaran tentang kepentingan keusahawanan dalam kalangan generasi muda, terutamanya di institusi pendidikan seperti Kolej PERMATA Insan.

Ilmu merupakan elemen penting dalam pembentukan ciri keusahawanan. Menurut Hisrich et al. (2010), pengetahuan yang diperoleh melalui pendidikan keusahawanan membentuk individu untuk menjadi lebih inovatif, kreatif, dan mampu mengenal pasti peluang

perniagaan. Kurikulum yang memberi tumpuan kepada aspek-aspek praktikal seperti pengurusan perniagaan, kewangan, dan pemasaran dapat meningkatkan kebolehan seseorang untuk beroperasi secara kompetitif dalam dunia perniagaan yang berubah-ubah.

Ilmu yang dipelajari bukan sahaja membantu murid dalam peringkat awal pembentukan keusahawanan tetapi juga memberi asas untuk kejayaan jangka panjang. Drucker (1985) menyatakan bahawa keusahawanan boleh dipelajari melalui pendidikan formal dan tidak hanya bergantung kepada bakat semula jadi. Program yang komprehensif dan berstruktur dapat membantu individu memupuk pemikiran kritis, kebolehan menyelesaikan masalah, dan daya inovasi yang tinggi, semuanya merupakan ciri yang penting bagi seorang usahawan.

Gibb (2002) menegaskan bahawa pendidikan keusahawanan bukan hanya tentang teori perniagaan tetapi lebih kepada pembinaan keperibadian usahawan. Ciri-ciri seperti daya tahan, keyakinan diri, dan keberanian dalam menghadapi risiko dapat dibentuk melalui pendekatan pendidikan yang bersifat holistik. Kajian juga menunjukkan bahawa pendedahan kepada aktiviti perniagaan praktikal memperkuatkan pemahaman murid tentang realiti dunia perniagaan dan meningkatkan keyakinan mereka untuk menceburi bidang tersebut.

Namun, persoalan timbul mengenai bagaimana ilmu dan pengetahuan yang diperoleh melalui pendidikan dapat membentuk keperibadian keusahawanan dalam kalangan murid-murid. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan ilmu dalam membentuk keperibadian keusahawanan dalam kalangan murid Kolej PERMATA Insan, mengenal pasti hubungan antara tahap ilmu yang diperoleh dengan keupayaan keusahawanan murid dan menilai impak program keusahawanan yang dilaksanakan di Kolej Permata Insan terhadap perkembangan keperibadian keusahawanan murid. Kajian ini dapat memberikan pandangan yang mendalam tentang bagaimana ilmu dapat digunakan sebagai alat untuk membentuk generasi usahawan muda yang berdaya saing dan berinovasi.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Data dikumpulkan melalui temu bual secara mendalam terhadap ahli Kelab Usahawan Muda, Kolej PERMATA Insan yang terdiri daripada 58 orang. Temua bual ini bertujuan untuk melihat pandangan para pelajar tentang bagaimana ilmu yang dipelajari dapat mempengaruhi keperibadian keusahawanan mereka. Justifikasi pemilihan pelajar dalam kalangan Kelab Usahawan Muda ialah kerana pelajar tersebut menunjukkan penglibatan aktif dalam aktiviti keusahawanan yang dianjurkan oleh Kolej PERMATA Insan. Selain itu, data yang diperoleh juga melalui analisis dokumen. Data dianalisis secara kualitatif menggunakan kaedah tematik. Tema-tema utama yang muncul daripada data dianalisis untuk mengenal pasti corak dan hubungan antara ilmu dan keperibadian keusahawanan.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Jadual 1 menunjukkan profil responden yang terlibat dalam kajian. Berdasarkan Jadual 1, didapati kebanyakan pelajar mempunyai pengalaman berniaga (74%).

**Jadual 1.** Profil responden kajian

	Bilangan (orang)	Peratus (%)
<b>Jantina</b> Lelaki		
Perempuan	28	48
	30	52
<b>Pengalaman berniaga</b>		
Ada	43	74
Tiada	15	26

### Hubungan Antara Ilmu dan Keperibadian Keusahawanan

Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penguasaan ilmu dan pembentukan keperibadian keusahawanan dalam kalangan murid Kolej PERMATA Insan. Responden bersetuju bahawa ilmu yang dipelajari, terutamanya dalam bidang perniagaan, pengurusan dan pemasaran, membantu mereka membangunkan ciri-ciri keusahawanan seperti kreativiti, keyakinan diri dan daya tahan.

Kefahaman Konsep Keusahawanan: 80% daripada murid menyatakan bahawa penguasaan ilmu asas keusahawanan membantu mereka memahami konsep-konsep penting seperti pengurusan risiko, pengurusan masa, dan inovasi, yang penting dalam kejayaan perniagaan. Peningkatan Keyakinan Diri dan Kemahiran Komunikasi: 72% murid melaporkan bahawa ilmu keusahawanan yang mereka pelajari telah meningkatkan keyakinan mereka untuk berkomunikasi dengan lebih baik, terutamanya dalam mempromosikan idea-idea baharu atau memimpin kumpulan dalam projek perniagaan.

### Impak Program Keusahawanan di Kolej PERMATA Insan

Program keusahawanan yang dijalankan di Kolej PERMATA Insan terbukti berkesan dalam membentuk keperibadian keusahawanan murid, di mana ia telah memberikan impak yang signifikan terhadap perkembangan diri dan cara pemikiran mereka. Murid-murid yang terlibat dalam program ini tidak hanya lebih cenderung untuk mengambil inisiatif dalam aktiviti berkaitan perniagaan dan inovasi, tetapi juga menunjukkan minat yang mendalam dan berterusan dalam bidang keusahawanan. Mereka juga dilihat lebih yakin dalam mengemukakan idea-idea baru, bersedia mengambil risiko yang dikira, dan mempraktikkan kemahiran kepimpinan serta pengurusan dalam pelbagai situasi. Melalui program ini, murid bukan sahaja memperoleh ilmu teori mengenai perniagaan, tetapi turut terdedah kepada pengalaman dunia sebenar, yang menjadikan mereka lebih matang, berdikari, dan proaktif dalam mengejar peluang-peluang keusahawanan.

### KESIMPULAN

Kesimpulannya, ilmu adalah elemen penting dalam pembentukan keperibadian keusahawanan dalam kalangan murid Kolej PERMATA Insan. Pendidikan keusahawanan yang berkualiti bukan sahaja meningkatkan pengetahuan murid tentang asas perniagaan, tetapi juga membantu mereka membina ciri-ciri seperti kreativiti, keberanian mengambil

risiko, dan kepimpinan. Usaha ini penting untuk memastikan murid lebih bersedia menghadapi dunia perniagaan yang mencabar. Oleh itu, institusi pendidikan harus terus memperkukuhkan program yang menyokong perkembangan keusahawanan, agar generasi muda dapat menyumbang kepada kemajuan ekonomi dan sosial negara.

## **RUJUKAN**

- A Call to Action for Psychology. *American Psychologist*, 62(6).
- Beeka, B.M.& Rimmington, M. (2011). Entrepreneurship as a career option for African youths. *Journal of Developmental Entrepreneurship*, 1(1), 145-164.
- Hisrich, R., Langan-Fox, J., & Grant, S. (2007). *Entrepreneurship Research and Practice*.
- Ishak, S. (2018) (PDF) Amalan Pembelajaran Dan Kesannya terhadap pembentukan Pengetahuan Serta Kemahiran perniagaan Dalam Kalangan generasi Z, Research Gates.